



PENGISYTIHARAAN KEPENTINGAN



1. Untuk mengakses menu Paparan Mesyuarat, klik butang  dan 



2. Ahli mesyuarat akan dapat melihat senarai mesyuarat-mesyuarat yang telah diberikan akses.



3. Klik pada *icon* Deklarasi  bagi mesyuarat yang akan dibuat Pengisytiharan Kepentingan.

- Nota:**
- i. Pengisytiharan Kepentingan perlu dibuat sekali pada setiap tahun di dalam sistem bagi membolehkan ahli mengakses kandungan mesyuarat.
 - ii.  Telah membuat Pengisytiharan Kepentingan
 - iii.  Belum membuat Pengisytiharan Kepentingan

4. Borang Pengisytiharan Kepentingan akan dipaparkan oleh sistem

x

**PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN
MESYUARAT STAF BAHAGIAN PENGURUSAN ORGANISASI**

Sebagai Pengerusi dan ahli (termasuk setiasaha dan ahli turut hadir) MESYUARAT STAF BAHAGIAN PENGURUSAN ORGANISASI, dengan ini kami membuat pengisytiharan seperti berikut :

- i. Bertanggungjawab untuk mengisytiharkan, apa-apa kepentingan yang berkaitan dengan diri kami, sama ada secara langsung atau secara tidak langsung di dalam apa jua perkara yang dibincangkan di dalam mesyuarat;
- ii. Tidak akan melibatkan diri di dalam apa-apa perkara, di mana kami mempunyai kepentingan secara langsung atau tidak langsung;
- iii. Mengutamakan dan menjaga tanggungjawab kerahsiaan mesyuarat dan tidak akan memberitahu atau membuat apa-apa kenyataan atau memaklumkan maklumat dari dalam mesyuarat ini kepada mana-mana pihak luar yang tidak berkaitan.
- iv. Tidak menyebarkan maklumat Rahsia Rasmi mesyuarat melalui penggunaan telefon bimbit dan alat-alat komunikasi lain seperti yang telah digariskan di dalam Prosedur Penggunaan Telefon Bimbit atau Lain-lain Peralatan Komunikasi dalam Pengurusan Mesyuarat Universiti selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88].

Perakuan oleh Ahli

Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya melanggar mana-mana terma dalam Pengisytiharan Kepentingan ini, saya boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] oleh pihak Berkuasa.

NOTA:

1. Pengisytiharan Kepentingan ini akan dibacakan **atau dibaca secara** bersama oleh Pengerusi kepada semua ahli mesyuarat, setiap kali permulaan mesyuarat, boleh dipaparkan melalui slaid/edaran kepada semua ahli mesyuarat (mana-mana yang bersesuaian).
2. Setiasaha perlu mencatatkan di Minit Mesyuarat bahawa Pengisytiharan Kepentingan ini telah dibaca oleh Pengerusi **atau dibaca secara** bersama dan difahami oleh semua ahli pada Minit Mesyuarat yang berkenaan.


Kembali Hantar

5. Sila baca Pengisytiharan Kepentingan dan klik butang Perakuan oleh Ahli dan klik butang Hantar untuk pengesahan.

Perakuan oleh Ahli

Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya melanggar mana-mana terma dalam Pengisytiharan Kepentingan ini, saya boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] oleh pihak Berkuasa.

6. Notifikasi akan dipaparkan oleh sistem.



7. Butang deklarasi akan bertukar daripada kepada .

8. Selesai/Tamat.